



**MEMO – HAL EHWAL PELAJAR BIL. 3/2021  
KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS SECARA BERFASA BAGI SEMESTER 2 SESI 2020/ 2021  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA (UKM)**

**1.0 LATAR BELAKANG**

- 1.1 Memo ini bertujuan untuk memperincikan proses kemasukan pelajar ke kampus secara berfasa bagi Semester 2 Sesi 2020/ 2021 selaras dengan kenyataan rasmi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 31 Januari 2021. Surat edaran oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 9 Februari 2021 bersama Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Pusat Pengasingan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) juga adalah dirujuk.
- 1.2 KPT dalam kenyataan rasmi bertarikh 9 Februari 2021 menetapkan bahawa kemasukan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) ke kampus boleh dilakukan secara berfasa berdasarkan **enam (6) kategori pelajar** yang dibenarkan bagi kemasukan Semester 2 Sesi 2020/ 2021.
- 1.3 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) akan melaksanakan proses dan pengendalian pelajar untuk kemasukan ke kampus secara **berfasa** mengikut kategori yang dibenarkan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), KPT dan UKM.

**2.0 KATEGORI PELAJAR YANG DIBENARKAN BAGI KEMASUKAN SEMESTER 2 SESI 2020/2021**

- 2.1 Berikut adalah **enam (6) kategori pelajar** yang dibenarkan oleh KPT untuk kembali ke kampus:

**Kategori 1:** Pelajar dari program pengajian peringkat Sijil, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah yang memerlukan praktikal, makmal, klinikal, latihan amal, studio, bengkel dan peralatan khas;

**Kategori 2:** Pelajar yang tidak mempunyai akses dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian;



QMS 02549

CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015



**PUSAT HAL EHWAL PELAJAR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/siswaukm

**Kategori 3:** Pelajar Asasi atau Setara dan Diploma yang sedia ada di kampus boleh meneruskan pembelajaran secara hibrid;

**Kategori 4:** Semua pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu kecuali dari United Kingdom;

**Kategori 5:** Pelajar Berkeperluan Khas (OKU); dan

**Kategori 6:** Pelajar yang menduduki peperiksaan *Malaysia University English Test* (MUET), antarabangsa dan badan profesional.

### 3.0 FASA PEMANTAUAN KENDIRI

- 3.1 Selaras dengan kenyataan rasmi KPT pada 9 Februari 2021 mengenai Kemasukan Semula Pelajar ke Kampus Secara Fizikal bermula 1 Mac 2021, adalah diputuskan bahawa pelajar berkeperluan dari zon Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)/Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang mendapat kebenaran untuk kembali ke IPT **PERLU** menjalani fasa pemantauan sendiri di Pusat Isolasi@Pengasingan (Kolej Kediaman) masing-masing.
- 3.2 Fasa Pemantauan Kendiri bermaksud pelajar akan berada dalam kawasan Kolej Kediaman yang ditetapkan selama 10 hari dan tidak dibenarkan keluar daripada kawasan berkenaan untuk memastikan pelajar adalah bebas daripada virus Covid-19 sebelum dibenarkan menjalankan aktiviti praktikal, makmal, klinikal, latihan amal, studio, bengkel dan peralatan khas.
- 3.3 Pelajar prasiswazah dan pascasiswazah akan menjalani **fasa pemantauan sendiri** selama **sepuluh (10) hari** sebagaimana ditetapkan bermula dari hari ketibaan pelajar berkeperluan ke kampus.

### 4.0 PENGESAHAN PELAJAR KEMBALI KE KAMPUS

- 4.1 Bagi pendaftaran pelajar ke kampus pada semester 2 sesi 2020/2021, universiti telah menyediakan satu **Sistem Pengesahan Kembali Ke Kampus (UKM2campus)** kepada pelajar bagi memberi informasi berkaitan kategori pelajar yang terlibat, fasa kemasukan dan pengesahan penginapan di kolej kediaman.
- 4.2 Pelajar diminta membuat pengesahan kembali ke kampus menerusi sistem (UKM2campus) **mulai 20 Februari 2021 sehingga 25 Februari 2021**



QMS 02549

CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015



#### PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/hepukm

4.3 Semakan Kolej Kediaman boleh dibuat menerusi sistem UKM2campus bermula 6 Mac 2021.

4.4 Tarikh pendaftaran mengikut fasa adalah seperti berikut:

Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3
<ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Tarikh Pendaftaran Kolej Kediaman</b> 17 hingga 19 Mac 2021 (Rabu hingga Jumaat) (9.00pg – 5.00ptg)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Tarikh Pendaftaran Kolej Kediaman</b> 3 hingga 4 April 2021 (Sabtu dan Ahad) (9.00pg – 5.00ptg)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Tarikh Pendaftaran Kolej Kediaman</b> 16 hingga 17 Mei 2021 (Ahad dan Isnin) (9.00pg – 5.00ptg)</li> </ul>

4.5 Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dibuat oleh pelajar;

- Log masuk sistem **UKM2campus** menerusi pautan <https://apps.mu.ukm.my/2campus>;
- Membuat semakan dan mengenalpasti status Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) program pengajian seperti yang ditetapkan oleh fakulti;
- Tarikh Pendaftaran Kolej bagi pelajar kategori satu (1) adalah mengikut Fasa yang telah ditentukan oleh Fakulti. Pelajar hanya perlu membuat semakan dan membuat pengesahan penginapan di dalam kampus;
- Pelajar selain daripada kategori 1 perlu membuat pengesahan penginapan di dalam kampus dan seterusnya memilih Fasa mereka akan mendaftar di kolej;
- Pelajar boleh membuat semakan Kolej Kediaman menerusi sistem **UKM2campus** bermula 6 Mac 2021.
- Sila cetak **Surat Kebenaran Kembali ke Kampus, Surat KPT (JPT(A)1000/001/019/01JLD23(43) bertarikh 9 Februari 2021) dan Borang Pengisytiharan Kesihatan (HDF)** bagi tujuan merentas negeri dan ujian *Swab* (bagi pelajar dari Sabah).

4.6 Kemasukan pelajar dari Sabah ke Semenanjung yang telah mendapat surat kebenaran Universiti perlu menyediakan dua (2) dokumen iaitu **Surat Panggilan Kemasukan Pelajar Berkeperluan oleh UKM** dan **Surat Kebenaran Pergerakan** dari balai polis.

4.6.1 Sebelum berlepas, semua pelajar dari Sabah perlu menjalani ujian *Swab* di fasiliti KKM yang berhampiran dalam tempoh **tiga (3) hari**



QMS 02549

CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015



**PUSAT HAL EHWAL PELAJAR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/hepukm

- sebelum penerbangan dan **memberi maklumat penerbangan menerusi e-mel HEP-UKM** (pghhep@ukm.edu.my);
- 4.6.2 Sekiranya keputusan ujian *Swab* adalah negatif, pelajar boleh membuat pergerakan ke lapangan terbang mengikut jadual yang ditetapkan, manakala sekiranya keputusan ujian *Swab* adalah positif, pelajar tidak boleh kembali ke kampus.
- 4.6.3 Setibanya di Lapangan Terbang KLIA, pelajar perlu menjalani saringan kesihatan.
- 4.6.4 Sekiranya tidak bergejala, pelajar terus menaiki kenderaan yang disediakan oleh Universiti untuk kembali ke kampus, manakala pelajar yang bergejala, perlu dirujuk ke fasiliti kesihatan KLIA.
- 4.6.5 Pelajar yang tiba di kampus perlu menjalani fasa pemantauan sendiri selama **sepuluh (10) hari** mengikut fasa yang ditetapkan.
- 4.7 Kemasukan pelajar dari Sarawak ke Semenanjung yang telah mendapat surat kebenaran Universiti perlu menyediakan dua (2) dokumen iaitu **Surat Panggilan Kemasukan Pelajar Berkeperluan oleh UKM** dan **Surat Kebenaran Pergerakan** dari balai polis.
- 4.7.1 Sebelum berlepas, semua pelajar dari Sarawak perlu menjalani ujian saringan di fasiliti KKM yang berhampiran dan **memberi maklumat penerbangan menerusi e-mel HEP-UKM** (pghhep@ukm.edu.my);
- 4.7.2 Sekiranya tidak bergejala, pelajar boleh membuat pergerakan ke lapangan terbang mengikut jadual yang ditetapkan, manakala sekiranya bergejala, pelajar tidak boleh kembali ke kampus.
- 4.7.3 Setibanya di Lapangan Terbang KLIA, pelajar perlu sekali lagi menjalani saringan kesihatan.
- 4.7.4 Sekiranya tidak bergejala, pelajar terus menaiki kenderaan yang disediakan oleh Universiti untuk kembali ke kampus, manakala bagi pelajar yang bergejala, perlu merujuk ke fasiliti kesihatan KLIA.
- 4.7.5 Pelajar yang tiba di kampus perlu menjalani fasa pemantauan sendiri selama **sepuluh (10) hari** mengikut fasa yang ditetapkan.
- 4.8 Kemasukan pelajar dari Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan yang telah mendapat surat kebenaran Universiti perlu menyediakan tiga (3) dokumen yang boleh didapati di **UKM2campus** iaitu **Surat Panggilan Kemasukan Pelajar Berkeperluan oleh UKM**, **Surat KPT (JPT(A)1000/001/019/01JLD23(43) bertarikh 9 Februari 2021)** dan **Borang Pengisytiharan Kesihatan (HDF)** untuk mendapatkan kebenaran pergerakan Polis Diraja Malaysia (PDRM) ke kampus.



QMS 02549

CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015



**PUSAT HAL EHWAL PELAJAR**

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
 Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/hepukm

## 5.0 KEMASUKAN PELAJAR ANTARABANGSA

- 6.1 Pelajar boleh merujuk kepada Garis Panduan Kemasukan Pelajar Antarabangsa Secara Fizikal Ke Universiti Kebangsaan Malaysia oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (HEAA) bertarikh 18 Februari 2021.

## 6.0 PENGURUSAN PELAJAR DI KOLEJ KEDIAMAN

### 6.1 Pendaftaran masuk

- 6.1.1 Pelajar akan masuk ke kampus melalui laluan yang dikhaskan di Pintu Utama dan menjalani saringan kesihatan di kaunter yang disediakan secara pandu-lalu.
- 6.1.2 Sekiranya pelajar dan/atau keluarga yang mengiringi pelajar bergejala mereka akan dibawa ke Pusat Kesihatan Universiti untuk saringan lanjut.
- 6.1.3 Pelajar yang tidak bergejala akan menuju ke kolej kediaman yang telah ditetapkan. Penentuan penginapan pelajar adalah berdasarkan kepada konsep 'bubble' bagi mengurangkan risiko jangkitan.
- 6.1.4 Setibanya di Kolej Kediaman, pelajar perlu mendaftar masuk dan terus ke bilik penginapan.
- 6.1.5 Pelajar perlu menjalani fasa pemantauan sendiri sendiri selama sepuluh (10) hari.

### 6.2 Semasa di kolej kediaman:

- 6.2.1 Pelajar diminta memantau tahap kesihatan sendiri dan melaporkan dengan segera kepada PKU sekiranya mula mengalami sebarang gejala.
- 6.2.2 Pelajar hendaklah sentiasa mematuhi arahan yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa sepanjang fasa pemantauan sendiri:

- Tidak dibenarkan keluar dari kawasan kolej kediaman masing-masing.
- Tidak dibenarkan berkumpul atau melaksanakan aktiviti secara berkumpul.
- Pelajar dibenarkan membeli makanan dan minuman di kafe secara *take away* sahaja dan mengikut ketetapan masa yang diperuntukkan.
- Perkhidmatan penghantaran makanan dari luar seperti *Grab Food*, *Food Panda* dan lain-lain adalah dibenarkan.
- Tidak dibenarkan menerima pelawat.



QMS 02549

CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015



### PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/hepukm

6.2.3 Pelajar boleh menghubungi **TALIAN HOTLINE** seperti dalam lampiran sekiranya memerlukan bantuan.

6.3 PKU akan membuat pengesahan kesihatan setelah semua pelajar tamat tempoh fasa pemantauan sendiri sepuluh (10) hari.

## 7.0 PINDAAN DAN PEMATUHAN SOP

7.1 Pihak Universiti berhak untuk melakukan perubahan termasuk menangguhkan proses pendaftaran pelajar UKM sekiranya terdapat risiko penularan COVID-19 serta tertakluk kepada arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

7.2 Usaha akan dilakukan untuk memaklumkan sebarang perubahan seberapa segera untuk membolehkan pelajar mengambil tindakan yang diperlukan.

7.3 Kerjasama para pelajar untuk lebih cakna dalam pematuhan SOP dan sentiasa mematuhi peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa adalah amat dihargai.

## Pusat Hal Ehwal Pelajar (HEP-UKM)

20 Februari 2021



QMS 02549

CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015



### PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/hepukm

## LAMPIRAN

Berikut adalah **Talian Hotline** yang boleh dihubungi oleh pelajar yang berkeperluan mengikut kategori urusan seperti di bawah:

Bil.	Nama	Emel & No. Telefon	Urusan
1.	Encik Asyraf bin Radzwan	<a href="mailto:asyraf@ukm.edu.my">asyraf@ukm.edu.my</a> 012-9510714	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sistem Pengesahan Kembali ke Kampus (UKM2campus)</li> </ul>
2.	Puan Hazrin Adila binti Mohamad Hashim	<a href="mailto:hamh@ukm.edu.my">hamh@ukm.edu.my</a> 019-3330568	<ul style="list-style-type: none"> <li>SOP Kemasukan Pelajar &amp; Kenderaan bagi kegunaan pelajar</li> </ul>
3.	Encik Muhammad Afdzal bin Mohd Affandi	<a href="mailto:afdzalaffandi@ukm.edu.my">afdzalaffandi@ukm.edu.my</a> 018-7744108	Kebajikan dan Keluar/Masuk Kampus
4.	Encik Ikhwan A'zim bin Ishak	<a href="mailto:ikhwanazim@ukm.edu.my">ikhwanazim@ukm.edu.my</a> 010-8212944	
5.	Puan Yuslina binti Johari/ Encik Mohd Nazri bin Mhd Nasir/ Encik Shaiful Bakri bin Mohammad/ Puan Nurul Nadia binti Rosli	011-12302523/ 2506/ 2516 atau 0389215070	Khidmat Kaunseling dan Kesihatan Mental
6.	Dr. Mohd Azman bin Abas/ Dr. Masdalina binti Azhari	016-6654442/ 019-2645072	Pusat Kesihatan Universiti (PKU)
7.	Encik Mohamad Solehuddin bin Anuar	<a href="mailto:anuarsolehuddin@ukm.edu.my">anuarsolehuddin@ukm.edu.my</a> 03-89214444 013-508 7350	Bahagian Keselamatan UKM



QMS 02549

CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015



### PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: [pghhep@ukm.edu.my](mailto:pghhep@ukm.edu.my) Web: [www.ukm.my/hepukm](http://www.ukm.my/hepukm)

**Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities**

[www.ukm.my](http://www.ukm.my)